

**Pengajian Kesusasteraan Melayu Baru oleh Hanapi Dollah**

**ABSTRAK**

*Makalah ini meninjau perkembangan pengajian kesusasteraan Melayu baru di Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Pengajian ini bermula dengan penawaran beberapa kursus kesusasteraan baru yang meliputi hampir semua aspek tentangnya seperti genre prosa, tokoh, teori dan kritikan, serta sastera bandingan dan penulisan kreatif kepada pelajar peringkat sarjanamuda. Kursus kesusasteraan baru pada masa itu boleh dianggap bersifat minor dalam program pengajian Melayu. Program pengajian Melayu lebih member tumpuan kepada bidang bahasa dan kesusasteraan lama. Pengajian kesusasteraan baru hanya menjadi lebih ketara dan penting dengan penambahan kakitangan akademik dan pengenalan kursus-kursus baru, terutama apabila Jabatan Persuratan Melayu ditubuhkan. Apabila Jabatan itu digantikan dengan Pusat Pengajian Bahasa, Kesusasteraan dan Kebudayaan Melayu pada tahun 2001, bidang kesusasteraan menjadi satu program pengajian baru. Sekiranya semua perkembangan selama 35 tahun itu dilihat dalam kerangka dasar untuk meletakkan identity dan peradaban Melayu dipersada dunia sebagaimana yang dikemukakan oleh pengasanya, Syed Muhammad Naguib al-Atas, maka perkembangan yang berlaku itu tidaklah sehebat yang diimpikan. Bidang pengajian ini perlu memposisikan semula dasar dan arahnya.*

**ABSRTACT**

*This article explore the development of modern Malay literature as a field of study in the Faculty of Social Sciences and Humanities, Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). It started with a few courses covering more or less most aspects of the literature such as prose genre, authors, literary theory and criticism, comparative and creative writing offered to the undergraduate students. The courses at that time could be considered as a minor part of the Malay studies program. The major parts of the program were Malay language and classical Malay literature. Modern Malay literature grew into a distinctive and full fledged field of study as more academic staff joined the then department and new courses were introduced, especially after the establishment of the Malay Letters Department. When the Department was replaced with the School of Malay Language, Literature and Culture in 2001, the field of study become a new program. If the development of the modern Malay literature of the last 35 years is viewed within the framework of the premise that it could promote Malay identity and generate Malay civilization at the global level as put forward by its founder, Syed Muhammad Naguib al-Atas, it can be said that the achievement is minimal. This field of study needs to reposition its policies and direction.*

# Language Policy and Planning: Understanding UKM's Past, Present and Future Concerns and Responses

SARAN KAUR GILL

## ABSTRAK

*Baru-baru ini Malaysia melaksanakan satu perubahan yang drastik berkaitan dasar bahasanya. Dalam sistem pendidikan, terdapat satu anjakan dari segi penggunaan bahasa pengantar daripada bahasa Melayu kepada bahasa Inggeris dalam bidang sains dan teknologi. Dalam tempoh 30 tahun yang lepas, tidak sedikit sumber yang telah ditumpukan kepada perancangan korpus dan status bahasa Melayu supaya bahasa tersebut dapat berkembang dan digunakan sebagai bahasa saintifik dan teknologi. Berdasarkan situasi ini, perubahan yang berlaku baru-baru ini dari segi dasar berkaitan bahasa Inggeris telah membangkitkan pelbagai respons dan reaksi, terutama di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), yang telah memainkan peranan utama dalam pengembangan dan pemodenan bahasa Melayu sebagai bahasa sains. Perubahan yang berlaku ini telah digerakkan oleh faktor-faktor ekonomi dan sains dan teknologi. Faktor-faktor ini telah menimbulkan satu keperluan yang mendesak untuk sumber manusia yang memiliki keupayaan untuk terus memperolehi pengetahuan terkini dalam bidang sains dan teknologi, yang sebahagian besarnya terdapat dalam bahasa Inggeris. Dalam konteks ini, tumpuan makalah ini adalah memahami respons dan kekhawatiran UKM berkaitan perubahan besar ini. Hal ini akan pula diatur seiring (juxtaposed) dengan sejarah universiti dan faktor-faktor sosial, ekonomi dan politik yang lebih luas dan yang telah memulakan anjakan yang berlaku dari segi bahasa pengantar yang digunakan untuk disiplin sains dan teknologi itu.*

## ABSTRACT

*Malaysia has recently faced a drastic change in language policy. This has been a shift from Bahasa Melayu to English for the fields of science and technology in the educational system. Over the past period of thirty years, huge resources have been devoted to both status and corpus planning for Bahasa Melayu to develop and be used as a scientific and technological language. Given this situation, the recent change in policy to English has been evoked varying responses and reactions, especially at Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM), which has played a major role in the development and modernization of Bahasa Melayu as a language of science. The present change has been driven by economic factors and the science and technology. This has resulted in an urgent need for human resource with the ability to keep up with knowledge acquisition in the field of science and technology, which is predominantly in English. Given this context, the concern of this paper will be to understand UKM's responses and concerns regarding this major change. This will be juxtaposed against the history of the university and the wider social, economic and political factors that have spearheaded the recent shift in the medium of instruction for the disciplines of science and technology.*

# **Pengajian Ilmu Antropologi dan Sosiologi di Universiti Kebangsaan Malaysia: Menoleh ke Belakang, Melangkah ke Hadapan**

Rahimah Abdul Aziz

## **ABSTRAK**

*Universiti Kebangsaan Malaysia merupakan universiti pertama di Malaysia yang telah menubuhkan sebuah Jabatan Antropologi dan Sosiologi selaras dengan perkembangan yang berkaitan dengan pengajaran dan penyaluran ilmu sosial di negara ini. Tiga puluh lima tahun selepas penubuhannya itu, apakah yang boleh dikatakan tentang Jabatan Antropologi dan Sosiologi, UKM dari segi impak dan sumbangannya, kursus yang ditawarkan, latihan yang diberikan, cabaran yang dihadapi dan sebagainya? Dan dalam pada itu apakah pula masa depannya? Makalah ini bertujuan membina semula masa lalu dan masa kini supaya dapat merenung masa hadapan program dan disiplin antropologi dan sosiologi khususnya yang terdapat di UKM. Dalam usaha menghasilkan makalah ini, penulis menggunakan pendekatan reflexive terhadap pengajian ilmu antropologi dan sosiologi di UKM dan berakhir dengan cuba membayangkan prospek pengembangan kedua-dua bidang ilmu itu di UKM khususnya dan masyarakat Malaysia amnya.*

## **ABSTRACT**

*Universiti Kebangsaan Malaysia is the first university in Malaysia to have established a Department of Anthropology and Sociology. Its establishment is in line with the broader development related to the teaching and dissemination of social science knowledge in the country. After 35 years of its establishment, what can be said about the Department (now called Anthropology and Sociology Program) in terms of its impact and contribution, courses offered, training provided, challenges faced and such? Also, what of its future? This article intends to reconstruct the past while constructing the present in order to reflect upon the future of the program and disciplines, particularly as found in UKM. For this purpose, the author had adopted a reflexive approach. The article begins with discussing the history of the establishment, development and contribution of the Department of Anthropology and Sociology and ends with looking at its future prospects vis-à-vis UKM in particular and the Malaysian society in general.*

# **Geografi Fizikal: Isu, Cabaran dan Prospek**

Sharifah Mastura Syed Abdullah

## **ABSTRAK**

*Makalah ini membincangkan perkembangan sub-bidang Geografi Fizikal secara spesifik dan bidang Geografi secara umum pada peringkat pra dan pasca penstrukturan semula Fakulti Sains Sosial dan Kemanusiaan (FSSK), di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Penjelasan mengenai disiplin membahaskan usaha ke arah mengintegrasikan sub-bidang Geografi Fizikal dan Manusia demi menjamin kesinambungan ilmu ini di masa hadapan yang kini dicabar oleh disiplin lain yang bertindihan dan bersepadanan. Kejayaan dan kerelevanan disiplin ditentukan oleh keupayaannya mempertahankan kecekapan kemahiran yang tinggi dalam kaedah penyelidikan kuantitatif dan kualitatif, bersikap interdisiplin, terbuka dan kreatif. Dalam hal ini, Geografi fizikal sentiasa bersedia menerima cabaran isu baru dan berani menangani isu merentas sempadan serta menyelami penyelidikan terkehadapan (frontier). Bahagian prospek masa depan makalah ini membincangkan bagaimana disiplin ini memperkukuhkan kedudukannya di masa hadapan melalui pelbagai cara. Akhirnya boleh dikatakan pengamal ilmu ini adalah berpengalaman dan lasak, sentiasa memahami tekanan dan kehendak semasa dan sekali gus bersedia untuk mempertahankan ilmu mereka dengan kewajaran yang bersesuaian.*

## **ABSTRACT**

*This article discusses the development of the Geography discipline in general and the sub-discipline Physical Geography in particular, during the pre and post restructuring exercise of the Faculty of Social Science and Humanities (FSSH), Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM). Discussion of the discipline elaborates on the efforts taken by the members of the Department of Geography to intergrate both the sub-discipline Physical and Human Geography. Integration has been deemed necessary to ensure their continuity and survival in the face of challenge posed by the overlapping and similarities with the other like disciplines. The success and relevance of the discipline is determined by its ability to maintain a high level of expertise in both the qualitative and quantitative research methodologies, and in its ability to remain open, liberal, creative as well as adopt an interdisciplinary perspective. In this context, Physical Geography is ever ready to face challenges brought about by new issues and to deal with cross-disciplinary issues beside participating in frontier research. The section in this article dealing with the future prospect of the discipline dwells on how it strengthens its position through various means. In conclusion, it can be said that the practitioner of this discipline are experienced, able to stand pressures and understand the current needs as well as rear to defend their discipline and knowledge.*

# **Disiplin Akademik Sains Politik di Universiti Kebangsaan Malaysia**

P. Ramasamy

## **ABSTRACT**

*Selama kira-kira dua dekad, program sains politik telah disusun atur mengikut subjek utama dan elektif atau pilihan dengan berdasarkan struktur Jabatan. Walau bagaimanapun, selesainya usaha penstrukturan semula Fakulti pada tahun 2001, struktur Jabatan telah diganti dengan program. Melewati perubahan dari segi pentadbiran ini, secara keseluruhannya boleh dikatakan bahawa sesungguhnya program sains politik di Universiti Kebangsaan Malaysia (UKM) telah mendapat sambutan ramai, namun program ini terus dihantui masalah tertentu berkaitan epistemologinya. Penekanan yang kuat terhadap empirisme hasil banyak pengaruh academia Amerika Syarikat, terus-menerus mengesampingkan peranan teori dan falsafah yang lebih besar dalam konteks melatih pelajar di peringkat pra dan pasca siswazah. Sungguhpun kerelevanan program ini boleh dilihat dari segi perkembangan ka dalam pelbagai sub-bidang seperti hubungan antarabangsa, politik ekonomi antarabangsa dan kajian strategic dan keselamatan, tumpuan yang diberikan akhir-akhir ini terhadap pendekatan multidisiplin telah menimbulkan masalah dalam konteks memperkukuhkan disiplin utama itu sendiri.*

## **ABSTRACT**

*For nearly two decades or so, the political science programme on the basis of core and elective subjects had the benefit of the departmental structure. However, with the completion of administrative changes, the political science programme as whole in University Kebangsaan Malaysia (UKM) despite its popularity, continues to be marred by certain epistemological problems. The heavy emphasis on empiricism very much influenced by the American academia continues to negate the larger role of theory and philosophy in terms of training and equipping students both at the undergraduate and graduate levels. While the relevance of the programme can be seen in its expansion into various sub-fields such as international relations, international political economy and strategic and security studies, the recent emphasis on multi-disciplinary approach poses problems in terms of strengthening the core discipline as such*

## **AKADEMIKA 67**

### **Kosmologi dalam *Welstanschauung* Ulama Sufi Melayu**

Mohd Syukri Yeoh Abdullah

#### **ABSTRAK**

*Penulisan ini membincangkan tentang bagaimana para ulama sufi Melayu mengemukakan system kosmologi yang menghubungkan kewujudan Allah yang Maha Ghaib. Mereka berpendapat bahawa proses tajalla alam merupakan proses penampakan diri Tuhan tanpa awal dan akhir, daripada yang tidak dikenali secara mutlak kepada bentuk yang lebih nyata tanpa batas jumlahnya. Kesimpulan dari rentetan pemikiran ini menunjukkan bahawa alam ini sekaligus berasal dari ada dan tiada, aktif dan pasif, hādith dan qadīm. Perbincangan ini seterusnya menjelaskan hubungan makrokosmos (alam semesta) dengan mikrokosmos (alam manusia) secara harmoni. Hal ini memperlihatkan saduran kesan-kesan dialog Islam dengan budaya Islam luar yang dibawa bersama oleh agama Islam kea lam Melayu, dan diharapkan dapat meningkatkan sensitivity umat Melayu terhadap penglibatan keberadaan Allah yang Maha Ghaib dalam proses pencintaan alam.*

#### **ABSTRACT**

*This article discusses how the Malay Sufi Scholars express the cosmology system of the existence of Allah (The Useen). Their opinion is that the process of tajalli that is known as the unknown to a clearer form without limitation. A conclusion from this thinking shows that the universe was formed together from eternity and pre eternity, active and passive, hādith and qadīm. This discussion also clarify the harmonious relationship between macrocosmos (universe) and microcosmos (human). This shows that the implication of civilized dialog between Islam and other cultures which was brought along into involvement of existence of Allah (The Useen) in the process of creating the universe.*

# Some Aspects of Contemporary Inter-State Behaviour in the Context of Combating Terrorism

Akmal Hussain

## ABSTRAK

*Insiden kejam yang berlaku pada 9/11 telah membentuk persepsi pentadbir Amerika Syarikat (AS) mengenai bentuk baru cabaran terhadap nilai yang dipegang oleh masyarakatnya. AS telah terlibat dalam peperangan dalam menentang keganasan yang bermula di Afghanistan, dan yang terkini telah merebak ke Iraq. Namun, serangan terhadap Iraq berdasarkan alasan weapons of mass destruction (WMD) telah disangkal atas prinsip 'preemption', 'unilateralism' dan perubahan rejim. Dalam kes ini, doktrin konvensional berkaitan 'preemption' telah diperluaskan untuk menghalang sebarang bentuk ancaman yang mungkin timbul dalam jangka masa panjang. Dengan bertindak secara unilateral AS telah mengenyahkan arahan imperative Bangsa-Bangsa Bersatu (BBB). Prinsip perubahan rejim telah digunakan untuk melantik sebuah rejim yang taat. Serangan yang dilakukan AS telah mengenyahkan amalan hukuman kolektif yang selalunya dikenakan terhadap perosak keamanan antarabangsa. Selain itu, serangan tersebut telah menimbulkan soalan tentang keberkesanan BBB dalam usaha memelihara keamanan dan keselamatan secara ketenteraan belum berjaya membendungnya.*

## ABSTRACT

*The brutal incidents occurring 9/11 shaped American administration's perception of new forms of challenges to American values. The US is engaged in the war against terrorism that beginning in Afghanistan had been extended further to Iraq. But the invasion of Iraq based on so-called weapons of mass destruction (WMD) has also been prosecuted on the principles of "preemption", "unilateral", and "regime change". In this case the conventional doctrine of preemption has been broadened to check even a long term threat developing. By unilaterally acting the US has regarded the imperative of the United Nations (UN) authorisation. The American invasion has regarded the hitherto practice of collective punishment to offender of international peace. Moreover, it has questioned UN effectiveness in maintaining international peace and security. However the military means of fighting against terrorism has not contained its surge.*

# **Diplomatic Language: An Insight from Speeches Used in International Diplomacy**

Hafriza Burhanudeen

## **ABSTRAK**

*Makalah ini mengemukakan satu kefahaman mengenai bahasa diplomasi melalui dokumentasi dan perbincangan pilihan bahasa yang digunapakai dalam ucapan yang disampaikan sempena Sidang Kemuncak Ke-XII Gerakan Negara-negara Berkecuali (NAM) dan Sidang Kemuncak Islam (OIC) Ke-10. Kedua-dua majlis tersebut telah berlangsung pada 2003 di Kuala Lumpur. Dengan menumpukan perhatian kepada kedua-dua konteks tersebut, makalah ini bertujuan mengenal pasti dan memperlihatkan norma-norma dan kelaziman yang dipamerkan oleh teks-teks terpilih supaya dapat membantu dalam menghadapi cabaran menjadi diplomat sejati, iaitu diplomat yang mempunyai kemampuan berkomunikasi berpadanan dengan tatacara yang diingini diplomasi antarabangsa melalui pemilihan bahasa yang sesuai. Perbincangan menunjukkan bahawa terdapat keselarasan pilihan bahasa yang digunapakai dalam teks-teks ucapan yang diteliti berhubung diplomasi antarabangsa.*

## **ABSTRACT**

*The paper provided an insight into diplomatic language through the documentation and discussion of the language choices used in speeches on the occasion of the XII Summit Conference of the Non-Aligned Movement (NAM) and the 10<sup>th</sup> Islamic Summit (OIC). Both occasions were held in 2003, in Kuala Lumpur. By focusing on the two contexts aforementioned, the paper aims to identify specific conventions and norms present in the texts selected that can assist in the challenging art of becoming a true diplomat, that is, the ability to communicate in manner conforming to the desired style in international diplomacy through the appropriate language choices. Discussion of the research findings indicate that the language choices used, with regard to international diplomacy, are consistent across several speeches that were examined.*

# **Pendidikan dan Segregasi Pekerjaan Mengikut Gender**

Noor Rahamah Hj. Abu Bakar

## **ABSTRAK**

*Makalah ini membicarakan tentang pengaruh pendidikan formal dalam segregasi pekerjaan mengikut gender. Terdapat tiga tujuan makalah ini, iaitu memerihalkan corak taburan pendidikan mengikut gender, meneliti bentuk segregasi mendatar dan menegak yang wujud, dan membincang pandangan wanita daripada tiga generasi tentang kenapa wanita perlu bekerja dan jenis pekerjaan yang sesuai dan tidak sesuai bagi wanita. Perbincangan berasaskan data empirikal yang diperolehi melalui survei yang dilakukan dengan menggunakan kaedah persampelan bertujuan. Seramai 12 keluarga yang mempunyai tiga generasi dipilih sebagai responden menggunakan teknik "snowball". Generasi kedua dijadikan sebagai sampel utama mengikut pencapaian pelajaran tertinggi diperolehi. Data sekunder menunjukkan bahawa bilangan graduan wanita peringkat ijazah pertama adalah tinggi dalam bidang kemanusiaan, ekonomi, perniagaan dan pengurusan berbanding bilangan graduan lelaki yang masih tinggi dalam bidang kejuruteraan, senibina, perancangan bandar dan wilayah, ukur bahan dan pengurusan hartabenda. Dari segi taburan pekerjaan pula, wanita masih bertumpu dalam kategori pekerjaan perkeranian dan perkhidmatan sementara lebih ramai lelaki terdapat dalam semua kategori pekerjaan. Data empirikal menunjukkan bahawa wanita memilih pekerjaan tertentu kerana kelayakan akademik yang ada, suka dengan pekerjaan yang dipilih, pekerjaan mudah dilakukan dan pekerjaan berkenaan diterima oleh masyarakat. Makalah ini diakhiri dengan menyatakan bahawa tahap pendidikan yang diperolehi telah membolehkan wanita menceburi bidang pekerjaan yang dahulunya didominasi oleh kaum lelaki.*

## **ABSTRACT**

*This article discusses the influence of formal education in occupational segregation by gender. This article has three objectives: To look at the distribution pattern of education by gender, to examine the form of horizontal and vertical that exist, and to get the views of woman from three generations about why woman should work, and the typed of work deemed suitable or unsuitable for woman. Discussion is based on empirical data obtained from a survey carried out using purposive sampling technique a total of 12 families with three generation was elected as samples. Based on the highest level of education received, the second generation was made the main sample. Analysis from the secondary data showed that the number of female graduates level is high in the field of humanities, economy, business and management compared to the high number of male graduates in the field of engineering, architecture, town and regional planning, land survey and property management. In terms of work distribution, woman are still seen to be concentrated in the clerical and service type of jobs while the male workers are found in all types of jobs. Empirical data show that woman choose a particular job due to a variety of reasons such as their academic qualifications, job preference, the ease of performing the job and whether the job is socially acceptable. The article concludes that the education that woman received had enabled them to participate in jobs that were previously dominated by them male workers.*

# **Penglibatan Ahli Komuniti dalam Program Pembangunan Komuniti: Program *Homestay* di Kedah**

Kalsom Kayat & Nor Ashikin Mohd. Nor

## **ABSTRAK**

*Penglibatan ahli komuniti di dalam apa jua program pembangunan, termasuk program pembangunan pelancongan, merupakan pemacu dalam usaha mencapai kelestarian pembangunan. Namun begitu, terdapat kekeliruan mengenai bagaimana sebenarnya penglibatan ahli komuniti di peringkat akar umbi. Artikel ini membincangkan ciri penglibatan ahli komuniti dalam program dirangka untuk pembangunan komuniti berdasarkan dapatan kajian yang dijalankan terhadap dua program homestay di Kedah. Kajian ini menghasilkan satu model untuk membantu kita memahami faktor-faktor yang mempengaruhi penglibatan ahli komuniti dalam program pembangunan komuniti.*

## **ABSTRACT**

*The Malaysian government is presently promoting tourism in the rural areas of Malaysia to increase tourism product choices. Rural tourism is also promoted to help in the development of these areas. An increasing number of communities have started their own homestay programs, which offer holiday experience in rural settings. These programs are mostly operated by the local communities and require local involvements, fulfilling the criteria that qualify them as using sustainable tourism development approach. This article discusses findings from a recent study aimed to explore and describe the characteristics factors that may influence local involvement in two homestay programs included in the study is proposed.*

## **AKADEMIKA 68**

# **Migrasi ke Kawasan Pinggiran Wilayah Metropolitan Lembah Klang**

Katiman Rostam

### **ABSTRAK**

*Sejak pertengahan 1980-an, petempatan di Lembah Klang mengalami proses perkembangan yang pesat akibat peluasan aktiviti pembuatan dan perkhidmatan ke pinggir. Selain metropolis Kuala Lumpur dan Bandar Diraja Klang, bandar besar dan bandar raya yang baru termasuk Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Selayang dan Ampang Jaya, turut berkembang. Migrasi penduduk ke pinggir bandar raya metropolitan turut berlaku. Makalah ini bertujuan memeriksa corak aliran migrasi penduduk ke pinggiran bandar metropolitan di Lembah Klang. Dengan menggunakan data banci tahun 2000 dan cerapan di medan, kajian ini mendapati pada tahun 2000 dianggarkan seramai 138,270 orang berpindah ke negeri Selangor dari negeri-negeri lain di Malaysia manakala penduduk Wilayah Persekutuan susut seramai kira-kira 54,705 orang. Negeri Selangor mengalami tambahan bersih seramai 45,831 orang. Sebahagian besar migrasi berpindah ke kawasan bandar dan pinggir bandar di Lembah Klang. Migrasi ke kawasan peri-metropolitan ini dipacu oleh beberapa faktor seperti keadaan yang terdapat di kawasan teras khususnya kepadatan penduduk yang tinggi; harga dan sewa rumah di kawasan teras yang mahal; dan dasar kerajaan yang berusaha menyahpusatkan pembangunan ke pinggir dengan menempatkan sebahagian fungsi bandar raya ke pinggir. Faktor lain ialah pembinaan lebuh raya pantas dan pengenalan perkhidmatan komuter juga pengangkutan keretapi aliran ringan yang menghubungkan bandar raya dengan kawasan pinggirannya; dan penawaran peluang pekerjaan serta peluang memiliki hartanah di pinggiran metropolitan. Proses perpindahan penduduk dari pusat ke pinggir bandar telah meninggalkan pelbagai kesan di kedua-dua kawasan asal dan destinasi.*

### **ABSTRACT**

*Since the middle 1980s, settlements in the Klang Valley have undergone a rapid process of development as a result of expansion in the manufacturing and service activities. Apart from metropolis Kuala Lumpur and the royal city of Klang, new cities including Petaling Jaya, Shah Alam, Subang Jaya, Selayang and Ampang Jaya, have also grown. At the same time population migration to peripheral areas of the metropolitan city have also occurred. This paper intends to examine the patterns of population migration to the peri-metropolitan areas of Klang Valley. Using unpublished data of the 2000 census and field observations, the study reveals that in the year 2000 it was estimated about 138,270 people migrated to the state of Selangor. The state gained a total of 45,831 people while the Federal Territory Kuala Lumpur recorded a nett loss of 54,705 migrants. Majority of the migrant moved to the new cities and other new settlements in the peri-metropolitan areas of the Klang Valley. Migration to the peripheries was mainly driven by such factors as situations resulting from the densely populated central areas of the metropolitan city; the high rent and price of house in the central areas; and the government policy that attempt to decentralize by relocating some of the metropolitan city's functions to the peripheries. Other factors include the construction of express highways as well as the introduction of the commuter and other light rapid transport services linking the metropolitan city with the surrounding areas; also the creation of employment opportunities as well as chances to own property in peri-metropolitan region. The process of population migration from the centre to the peripheries of the Klang Valley metropolitan region will certainly have some impacts on both the area of origin and destination.*

# ***A New Deal for Asia- Apakah 'Deal' Itu?***

Sivamurugan Pandian

## **ABSTRAK**

*Makalah ini mengupas pemikiran bekas Perdana Menteri, Tun Dr. Mahathir Mohamad dalam bukunya, A New Deal For Asia, yang ditulis selepas kegawatan ekonomi tahun 1997. Apabila spekulator matawang asing menyerang rantau Asia, gergasi kecil ekonomi Asia sukar berhadapan dengan serangan tersebut dan hampir kesemua negara di rantau ini menghadapi laluan sukar untuk pulih semula. Keajaiban Asia Timur seolah-olah sudah berakhir. Makalah ini melihat apakah 'new deal' yang cuba diketengahkan oleh Dr. Mahathir dan sejauh manakah negara di Asia mampu bangkit semula di era pasca krisis ekonomi ini? Makalah ini juga member fokus kepada persoalan fungsi ekonomi global sebagai sebahagian daripada cadangan 'new deal' Dr. Mahathir untuk masa hadapan komuniti global. Pemikiran Dr. Mahathir ini dianggap berbeza dengan sumbangan pemimpin dunia lain kerana reformasi yang cuba beliau bawa ke peringkat global bertujuan mengukuhkan ekonomi dalam Negara. Pada waktu yang sama 'new deal' Dr. Mahathir juga menampakkan sokongan berterusan beliau untuk mempertahankan nilai masyarakat Asia supaya menjadi senjata untuk berhadapan dengan cabaran di masa akan datang. Ini dianggap akan membawa kepada pembentukan komuniti world century dengan negara, individu dan rantau yang mempunyai peluang yang sama.*

## **ABSTRACT**

*This article reviews Tun Dr. Mahathir Mohamad's thoughts in his book, A New Deal For Asia, written after the 1997 financial crisis. When currency speculators attacked Asian region, the Asian Economic Tigers could not face the battle and were badly bruised. The East Asian miracle was demolished. This article examines the 'new deal' and how Asian countries can reinstate after the financial crisis period. This article will also focus on how Dr. Mahathir looked at the global economic function for the future of global communities as one of the new deal proposed. Dr. Mahathir thoughts are different from other world leaders in facing the economic crisis because he believed that global reformation would help to support and strengthen domestic economy. This article also looks at Dr. Mahathir hopes and beliefs to make the Asian values a tool to face future challenges. If the Asia communities are consistent with these value, Dr. Mahathir's 'new deal' will be able to form a world century community where all nations, people and regions have the same opportunities.*

# **Rumah Panjang Tradisi Rungus dalam Arus Pembangunan: Perbezaan Pengertian**

ONG PUAY LIU

## **ABSTRAK**

*Rumah panjang sebagai kediaman komunal atau kediaman perseorangan? Soalan ini mewakili intipati perbincangan makalah ini mengenai rumah panjang orang Rungus yang menetap di daerah Kudat, Sabah, Malaysia. Golongan bukan Rungus menganggap rumah panjang sebagai suatu jenis kediaman komunal di mana semua penghuni rumah panjang berkongsi ruang hidup tanpa pemisahan sempadan dan milikan peribadi di bawah bumbung yang sama. Pandangan ini mencerminkan kecenderungan orang luar untuk membuat kesimpulan tanpa memahami makna rumah panjang kepada orang Rungus, serta tidak meneliti struktur rumah panjang dan bagaimana keadaan hidup penghuni rumah panjang dalam konteks struktur sebegini. Sektor pelancongan 'mengguna pakai' pandangan luar ini sebagai bahan memajukan rumah panjang Rungus sebagai tarikan pelancong. Pelancongan seakan-akan 'menaik taraf' rumah panjang daripada sebagai kediaman biasa kepada barangan bernilai pasaran. Dalam konteks arus perubahan yang melanda orang Rungus, rumah panjang yang menjadi tunggak identity Rungus turut dilanda perubahan dan pengubahsuaian. Makalah ini meninjau erti rumah panjang kepada orang Rungus dan membandingkan pengertian ini dengan pandangan orang luar, termasuk industri pelancongan.*

## **ABSTRACT**

*In Malaysia, longhouse have long existed as a mode of rural settlement, particularly among the indigenous people of Sabah and Sarawak. However, Malaysians general have a vague conception of longhouse as a housing pattern, with clear-cut boundaries of public and private spaces for the domestic families dwelling in these longhouses, just like families living in modern forms housing such as terrace houses, apartment, bungalows or condominiums. This article focuses on the longhouse of one particular indigenous community- the Rungus of Kudat, Sabah. The Rungus longhouse is singled out of this paper, as the Rungus community is one of two indigenous communities of Sabah, the other being the Murut community, who lived or are still living in longhouses. In addition, the Rungus longhouse has also been targeted as one major tourism attraction in Sabah. Non-Rungus people, as 'Other', perceive the Rungus longhouse as communal dwelling where its occupants share communal space and ownership without clear physical boundaries for private space and private ownership. The question posed is, does the Rungus longhouse represent a communal settlement or individual housing? Tourism authorities have appropriated this 'Other' meaning of the Rungus longhouse as a communal, primitive and traditional housing pattern existing at the edge of modernisation to appeal to potential visitors wanting to revisit' their past', as supposedly represent by the Rungus community in their 'traditional and communal longhouse'. In the context of change and development, the Rungus longhouse has undergone much transformation. This article looks into the meanings of the Rungus longhouse to the Rungus people themselves and contrast these indigenous meanings with the meanings that the non-Rungus people, including the tourism sector, have of the Rungus longhouse.*

# **Pembinaan dan Perkembangan Konsep *Native* di Borneo Utara pada Zaman Kolonial**

TORU UEDA

## **ABSTRAK**

*Makalah ini memberi perhatian kepada proses pembentukan dan perubahan konsep native di Borneo Utara pada zaman kolonial dengan merujuk kepada beberapa bahan sejarah. Pihak colonial memakai istilah native dalam banci penduduk yang dijalankan tiap-tiap sepuluh tahun dari 1891 hingga 1960 kecuali pada tahun-tahun 1940-an apabila berlakunya penjajahan Jepun. Begitu juga istilah native digunakan dalam pelbagai undang-undang yang telah dikeluarkan secara berterusan oleh pihak berkuasa sehingga berlakunya penyerahan kuasa pada tahun 1963. Cara pengkategorian dalam banci yang dilakukan oleh pihak kolonial dan definisi konsep berkenaan dalam undang-undang pada zaman itu adalah tidak tetap, bahkan berbeza-beza dari semasa ke semasa. Berasaskan penelitian bahan-bahan sejarah, makalah ini menyimpulkan bahawa apa yang penting ialah melihat keadaan kolonial dalam pelbagai konteks sosialnya yang bergantung kepada negara dan wilayah. Hakikat bahawa pihak kolonial membentuk pengetahuan kolonial di sesuatu tempat tidak semestinya bermaksud untuk melahirkan pengetahuan yang sama di semua tempat dan dengan cara yang sama.*

## **ABSTRACT**

*This article is about the formation of the concept native as was used in North Borneo during the colonial period and the changes it underwent. Historical sources are used for the discussion. The Colonial administration used the word native in the population census taken every ten years from 1891 until 1960, except during the 1940's because of the Japanese occupation. The word was also mentioned in various Ordinances that were implemented by the administration until its dissolution in 1963. The way the colonial administration made categorization in the census and the definition of the concept in the ordinances were not set, but rather it differed through the whole colonial period. Using historical sources, this article argues that it is important to seek a perspective of the colonial situation in its various social contexts, depending on the country or are involved. The fact that the colonial government built colonial knowledge in a certain place does not necessarily mean that we will encounter the same knowledge in all places in the same way.*